



PANDUAN PEMELIHARAAN ANJING

DI KAWASAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
MENGIKUT UNDANG-UNDANG KECIL PENDAFTARAN
DAN KAWALAN ANJING (PINDAAN) 2008



TANGGUNGJAWAB UNTUK MENDAPATKAN LESEN ANJING

Lesen Anjing boleh diperolehi di Semua Kaunter Bayaran, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

Semua anjing yang berumur 6 bulan dan lebih diwajibkan mendapatkan lesen anjing.

Bayaran lesen bagi seekor anjing ialah :

Betina	-	RM10.00
Jantan	-	RM5.00

Lesen anjing yang dikeluarkan oleh DBKK akan tamat tempoh pada 31 Januari tahun berikutnya dan anjing tersebut perlu didaftarkan semula.

Tag Lesen Anjing hendaklah dipakai pada leher anjing setiap masa.

TEMPAT-TEMPAT YANG ANJING TIDAK DIBENARKAN DIPELIHARA

Anjing tidak boleh dipelihara :-

- Bangunan Rumah Kedai.
- Kondominium, Flat dan Rumah Pangsa.
- Bangunan yang tidak mempunyai halaman berpagar.

BILANGAN ANJING YANG BOLEH DIPELIHARA

Hanya dua (2) ekor anjing boleh dipelihara dan dilesenkan di rumah teres, rumah berkembar dan banglo.

TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA ANJING

Memberikan penjagaan yang sempurna dan pastikan sihat serta bebas dari sebarang penyakit.

Menyediakan kandang yang sesuai dan menjaga kebersihannya supaya bersih dari najis, sisa-sisa makanan dan sebarang punca kekotoran supaya tidak menimbulkan kacauganggu kepada jiran.

Mengawal dan menghindarkan daripada memudaratkan kesihatan persekitaran.



Amalan pemeliharaan anjing yang baik :

Anjing peliharaan berada dalam kawasan premis kediaman.

Pemasangan tali pengikat anjing dengan betul semasa dibawa keluar / bersiar-siar.

Najis anjing hendaklah dibersihkan dan dilupuskan dengan sempurna semasa anjing dibawa keluar / bersiar-siar di kawasan awam.

Anjing hendaklah dikawal supaya tidak menyebabkan kecederaan kepada orang awam dan anjing peliharaan.

Anjing hendaklah diberi perhatian agar tidak menyalak berterusan.

Anjing peliharaan hendaklah divaksinasi agar bebas dari penyakit.

Anjing peliharaan dikembiri untuk mencegah pembiakan yang tidak diingini.



Amalan pemeliharaan anjing yang tidak baik :

Anjing dibiarkan merayu-rayau diluar premis kediaman tanpa pengawasan.

Jangan mengikat tali pengikat terlalu ketat di bahagian leher anjing yang boleh menyebabkan kecederaan pada anjing.

Membiarkan najis anjing peliharaan mengotorkan kawasan awam.

Anjing dibiarkan menyerang dan menyebabkan kemalangan berlaku.

Anjing dibiarkan menyalak berterusan sehingga mengganggu jiran-jiran.

Anjing tidak diberi vaksin berisiko dijangkiti penyakit.

Membuang anjing ke kawasan awam disebabkan pembiakan anjing tidak dikawal.

TINDAKAN

Anjing yang berkeliharaan di kawasan awam akan ditangkap

Boleh dikompaun sehingga RM500.00

Atau boleh didenda sehingga RM5,000.00

BAHAGIAN KAWALAN HAIWAN, DBKK SEDIA MEMBERI PERKHIDMATAN SEKIRANYA TERDAPAT

Aduan daripada orang awam mengenai anjing berkeliaran.

Anjing-anjing yang dijumpai bebas dan tidak mempunyai Tag Lesen Anjing ditempat awam.

Kes-kes serangan anjing.

SEKIRANYA ANDA MENGHADAPI MASALAH MENGENAI ANJING

BOLEH MENGHUBUNGI

**Bahagian Kawalan Haiwan,
Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya,
Tingkat 7, Centre Point Sabah, Kota Kinabalu**

Emel : gojkpb@dbkk.sabah.gov.my
Telefon : 088-244000 Samb. 323
Hotline : 088-313991
Whatsapp : 012-2220220

